

# Buatlah Pendirian! Didengar Sebagai Komuniti Katolik dan Sebagai Warganegara yang Prihatin

*Renungan Prapaskah dalam Ciptaan Allah*



**KEUSKUPAN  
MELAKA  
JOHOR**

[www.mjdiocese.my](http://www.mjdiocese.my)  
📱 mjdiocese  
📧 @malaccajohorediocese  
[caritasmjd.mjdiocese.my](http://caritasmjd.mjdiocese.my)  
[creationjustice.mjdiocese.my](http://creationjustice.mjdiocese.my)



[www.lenten.mjdiocese.my](http://www.lenten.mjdiocese.my)  
📱 MJD Lenten

# Ucapan Bapa Uskup

“Buatlah Pendirian! Didengari!

Tajuk berita “Lelaki kereta kebal Tiananmen: Berhadapan dengan tentera China” tersiar di seluruh dunia. Satu sosok berdiri di tengah laluan kereta kebal yang sedang mendekati, berhampiran dengan Dataran Tiananmen di China, pada 6 Jun 1989, sehari selepas tindakan keras berdarah China terhadap penunjuk perasaan yang dipimpin oleh pelajar. Tiada sesiapa yang mengenali dia tetapi dia menjadi simbol penentangan. Kita mengingati dia sebagai “seorang yang membuat pendirian.”

Suatu hari nanti, di sesuatu tempat atau untuk sesuatu, setiap daripada kita perlu membuat pendirian. Sama ada ianya untuk diri sendiri atau untuk orang lain atau untuk mereka yang tidak bersuara. Ianya mungkin memerlukan kita untuk bersuara untuk perkara yang betul atau mendedahkan ketidakadilan atau berdiri teguh untuk apa yang kita percayai.

Mengapa ianya penting untuk mempertahankan sesuatu?

Perbuatan ini membina rasa hormat diri, mendapat penghormatan daripada orang lain dan menunjukkan nilai-nilai yang kita hidupi. Ianya menjadi saksi kepada kepercayaan kita.

Contoh wira biblika yang paling terkenal membuat pendirian adalah tiga orang pemuda dalam Kitab Daniel, yang dilemparkan

ke dalam dapur api yang bernyala-nyala. Mereka tidak sujud dan tidak tunduk kepada perintah Raja untuk menyembah tuhan lain. Mereka tidak dapat dipujuk untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak Allah. Mereka bersaksi tentang satu Allah orang Israel. Raja dan istana berasa kagum.

Hari ini, setiap orang, warganegara yang prihatin, Katolik dan yang lain-lain, komuniti katolik dan negara harus membuat diri mereka didengari tentang apa yang berlaku kepada orang miskin dan bumi. Kita mesti **berkeyakinan** untuk berubah; **berubah** untuk memupuk cara hidup yang baharu; **memupuk komitmen untuk menjaga rumah kita bersama.**

*Kamu yang mencintai apa yang dicintai oleh Allah,*

**BUATLAH PENDIRIAN:**

*Buat pendirian untuk kelestarian melalui kitar semula dan bebas sampah;*

*Buat pendirian untuk memulihkan bumi dan laut yang musnah bersama dengan organisasi Sahabat Alam;*


*Buat pendirian untuk melaporkan pencemar, pengeksploitasi dan pelanggar undang-undang yang merosakkan rumah kita bersama, bumi kita.*

Tuhan memuliakan diri-Nya apabila kita membuat pendirian untuk Dia dan kehendak-Nya. Kita tidak keseorangan.

Bersama Membangun Kerajaan-Nya,

Uskup Bernard Paul

Pengenalan  
kepada Kempen  
Prapaska 2022  
Keuskupan  
Melaka Johor



# “Buatlah Pendirian! Didengar Sebagai Komuniti Katolik dan Sebagai Warganegara yang Prihatin”

Setelah Yohanes dipenjarakan, Yesus pergi ke Galilea dan mengisytiharkan Berita Baik daripada Allah. Dia berkata, “Masanya sudah tiba; tidak lama lagi Allah akan memerintah. Bertaubatlah daripada dosa kamu dan percayalah kepada Berita Baik ini!”

*Markus 1: 14-15*

Prapaska adalah masa pertaubatan. Kata pertaubatan biasanya dikaitkan dengan berpaling dari dosa-dosa kita. Perkataan dalam bahasa Yunani yang digunakan dalam Markus 1:15 ialah *metanoia* (μετάνοια). *Metanoia* ialah panggilan untuk mengubah cara kehidupan dan kesedaran seseorang. Namun, seseorang tidak boleh berubah hanya kerana perubahan. Injil Markus memanggil seseorang itu untuk mengubah cara hidupnya di mana Allah tidak hadir, dan dosa itu hadir dengan menerima Berita Baik.

Dalam Gereja Katolik, secara tradisinya Prapaska adalah panggilan kepada perubahan. Perubahan adalah istilah yang sesuai kerana ianya merangkumi panggilan Yesus untuk bertaubat. Setiap tahun, kita melakukan ini dengan menilai diri kita dan dengan memeriksa hati nurani kita, disertai dengan doa, puasa (penebusan dosa) dan bersedekah (karya amal kasih).

Dalam kempen Prapaska ini, Keuskupan Melaka Johor mengulangi pesanan Prapaska susulan daripada pilihan *Laudato Si'*, satu perjalanan yang keuskupan ini telah mulakan pada tahun 2020. Pada tahun 2020, panggilan itu adalah "Dengarlah! Bumi Menangis." Tahun lalu, pesanannya ialah "Hiduplah secara sederhana! Agar orang lain dapat hidup."

Kempen Prapaska Keuskupan Melaka Johor untuk tahun 2022 ialah:

**"Buatlah Pendirian! Didengar Sebagai Komuniti Katolik dan Sebagai Warganegara yang Prihatin"**

Hala tuju Kempen Prapaska 2022 adalah susulan daripada *Laudato Si'*, surat ensiklik 2015 Bapa Suci Paus Fransiskus tentang Penjagaan Rumah kita Bersama. Surat Paus ini menjemput kita ke satu perubahan dalaman yang amat besar terhadap rekonsiliasi dengan ciptaan. Ini dilakukan dengan memeriksa "kehidupan kita dan mengakui cara-cara di mana kita telah menyakiti ciptaan Allah dengan perbuatan-perbuatan dan kegagalan kita untuk bertindak" (#218).

Seolah-olah menggemakan semangat Prapaska, Paus Fransiskus memberitahu kita bahawa "kita perlu mengalami suatu pertaubatan, atau perubahan hati" (#218). Ini dilakukan dengan memeriksa sama ada cara hidup, sikap-sikap, dan kerohanian kita ini harmoni dengan ciptaan.

Dalam banyak cara, *Laudato Si'* meminta kita untuk membentuk satu kerohanian yang berpusatkan pada ciptaan kerana di dalam ciptaan Allah-lah kita mengungkapkan cintakasih kita terhadap Allah dan satu sama lain (#84 - #88). Kita boleh melakukan ini

dengan membuka hati kita terhadap persekutuan yang tulus melalui “kelembutan, belas kasihan dan mengambil berat akan sesama manusia” (#91). Dalam masa yang sama kita juga memupuk satu cara hidup yang mencari untuk menjaga bumi, rumah kita bersama.

Kempen Prapaska 2022 menjemput semua untuk memberikan komitmen kita terhadap dunia yang dengan setia merenungkan rancangan Allah untuk semua ciptaan.

Marilah kita memberikan komitmen kita dengan membuat suatu pendirian. Bagaimanakah kita membuat suatu pendirian?

Kita boleh membuat pendirian dengan memilih untuk diberitahu dan mengajar diri kita tentang apakah maksudnya untuk memiliki sikap yang menyumbang kepada dunia yang mampan/berkelanjutan.

Kita boleh membuat pendirian dengan memastikan bahawa paroki-paroki kita merupakan paroki-paroki *Laudato Si'*. Ini bermakna semua orang belajar dan menjadikan penjagaan bumi ini sebagai tabiat dan cara hidupnya. Ini dilakukan dengan menggalakkan dan memberitahu satu sama lain di dalam Komuniti Eklesia Dasar (KED), Katekatik, Anak-anak, dan Belia, dan sebagainya.

Kita boleh membuat suatu pendirian dengan membentuk jaringan-jaringan dan perhubungan-pehubungan yang boleh menyokong usaha kita untuk menjaga alam sekitar. Ini boleh dilakukan dengan menjemput pelayanan pastoral Keadilan Ciptaan untuk membantu memulakan usaha paroki itu. Paroki-paroki boleh memulakan pelayanan-pelayanan pastoral Keadilan Ciptaan mereka untuk memastikan usaha ini berterusan. Ini juga

termasuklah mencari pusat-pusat kitar semula untuk daerah-daerah dan kawasan-kawasan di mana kemudahan ini tidak tersedia. Mengitar semula adalah sebahagian besar daripada usaha memastikan kemampunan. Kita juga boleh menulis kepada wakil-wakil daerah untuk menjadikan pengitaran semula sebahagian daripada pelayanannya.

Kita boleh membuat satu pendirian dengan mengadakan dialog-dialog dengan agama lain yang berusaha ke arah matlamat yang sama. Sebagai contoh, sebelum *Laudato Si'* Paus Fransiskus, para penganut agama Buddha sudah pun berusaha ke arah dunia yang mampan/berkelanjutan.

Kita boleh membuat satu pendirian dengan menjadi hadir kepada realiti - realiti dan situasi-situasi manusia, terutamanya mereka yang sedang pulih daripada kesan-kesan pandemik ini. Kita boleh menyumbang kepada usaha-usaha paroki untuk keluarga-keluarga dan orang yang terkesan secara mendalam oleh pandemik ini.

Kita boleh membuat satu pendirian dengan memastikan bahawa kita bukanlah sebahagian daripada sistem yang mengeksploitasikan mereka yang miskin, para migran, mereka yang lemah dan yang terbiar. Ini terutamanya apabila kita mengendalikan perniagaan, kilang, atau mempunyai kuasa dalam sesuatu jawatan. Kita boleh juga membantu apabila kita menjaga para migran dikalangan kita, melayan mereka seperti Yesus melayani mereka dan memastikan bahawa mereka dilayan secara adil. Ini terutamanya untuk kita yang mempunyai pembantu rumah.

Kita boleh membuat pendirian apabila kita berjaga-jaga dalam memastikan anak-anak kita sentiasa dijaga, mengambil tindakan apabila kita tahu mereka telah dieksploitasikan atau didera.




Kita boleh membuat satu pendirian apabila kita tidak membazirkan sumber-sumber yang berharga dan tidak boros secara keterlaluan. Sebagai contoh, kita tidak membazir makanan, air dan tenaga elektrik. Kita belajar untuk menjadikan pengitaran semula plastik dan mengurangkan pembelian plastik sebagai satu tabiat. Kita belajar untuk hidup dengan kesulitan-kesulitan yang memang perlu, seperti kerap membawa beg kitar semula ketika membeli-belah, membawa bekas-bekas yang boleh diguna semula ke tempat-tempat di mana kita biasanya memesan makanan, dan selalu membawa botol air kita sendiri selain air mineral yang telah dibotolkan. Ianya juga penting untuk kita tidak makan berlebihan, dan mengurangkan pengambilan daging yang berlebihan sememangnya merupakan pilihan yang lebih sihat.

Biarlah kita didengar sebagai suatu Komuniti Katolik dan sebagai suatu Warganegara yang Prihatin dengan pendirian yang kita lakukan.

KEMPEN PRAPASKA 2022

# Aktiviti di Peringkat Paroki



# Bagaimanakah kita membuat pendirian sebagai satu Paroki?

## CADANGAN

Kita boleh membuat suatu pendirian dengan membentuk jaringan-jaringan dan perhubungan-perhubungan yang boleh menyokong usaha kita untuk menjaga alam sekitar. Ini boleh dilakukan dengan menjemput pelayanan pastoral Keadilan Ciptaan untuk membantu memulakan usaha paroki itu. Paroki-paroki boleh mempunyai *Pelayanan Keadilan Ciptaan Keuskupan* mereka untuk memastikan usaha ke arah ini berterusan.

## TINDAKAN

Melancarkan Pelayanan Keadilan Ciptaan paroki dengan bekerjasama dengan *Pelayanan Keadilan Ciptaan Keuskupan* (<http://creationjustice.mjdiocese.my>).

## TINDAKAN

Mencari pusat-pusat kitar semula untuk daerah-daerah dan kawasan-kawasan di mana kemudahan ini tidak tersedia. Mengitar semula adalah sebahagian besar daripada usaha memastikan kemampanan/ kelanjutan. Kita boleh berusaha untuk menulis

surat kepada wakil-wakil daerah untuk mengadakan usaha-usaha mengitar semula jika tiada yang tersedia. Mungkin, memeriksa sama ada Persatuan Tzu Chi ada di kawasan anda kerana mereka sudah pun menjalani aktiviti ini.

### **AKTIVITI-AKTIVITI UNTUK ORANG DEWASA**

Tandatangani ikrar tindakan Laudato Si' untuk keluarga anda di: <https://laudatosiactionplatform.org/pledge-your-commitment/>

### **AKTIVITI-AKTIVITI UNTUK KANAK-KANAK**


Anjurkan satu peraduan melukis. Cadangan: "Bagaimana saya boleh menjaga Bumi ini?"

### **PERINGKAT BELIA**

Jalankan satu projek kitar semula. Boleh bekerjasama dengan pelayanan-pelayanan Keadilan Ciptaan.

KEMPEN PRAPASKA 2022 KEUSKUPAN  
MELAKA JOHOR

Panduan  
Renungan  
Mingguan untuk  
Keluarga-keluarga  
dan KED



# “Buatlah Pendirian! Didengar Sebagai Komuniti Katolik dan Sebagai Warganegara yang Prihatin”

Secara tradisinya, Kempen Prapaska mempunyai fokus terhadap orang miskin. Namun, sejak dua tahun lalu, Keuskupan Melaka Johor telah memulakan satu kempen yang merangkumi ciptaan, yang memfokuskan pada mereka yang terjejas dan memelihara rumah kita bersama, iaitu bumi kita. Renungan Prapaska kita berpandukan pada satu tema kerohanian yang berpusatkan ciptaan sebagai mengikuti semangat pesanan *Laudato Si'* Paus Fransiskus untuk kita semua.

Saya ingin menunjukkan dari awalnya bagaimana keyakinan iman boleh menawarkan umat Kristian, dan mereka yang beriman lainnya, motivasi kuat untuk menjaga alam dan saudara-saudari mereka yang paling mudah terjejas. Jika fakta sebagai manusia mendorong orang untuk menjaga alam persekitarannya, kini giliran orang Kristian untuk “sedar bahawa tanggungjawab mereka dalam ciptaan, dan tugas mereka terhadap alam dan Sang Pencipta, merupakan bahagian penting dalam iman mereka”.

*Laudato Si' #64*

## **DOA SEPANJANG MUSIM PRAPASKA**

*(untuk didoakan pada permulaan renungan setiap minggu)*

Ya Tuhan, dalam musim Prapaska ini,  
Kami berazam teguh  
untuk memeriksa hati nurani kami dan cara hidup kami.  
Berikan kami cahaya untuk melihat bahagian hidup kami yang  
menjadi halangan atau menjauhkan kami daripada menghidupi  
kehidupan yang bersatu dengan-Mu.


Tuhan yang terkasih, luaskanlah kesedaranku  
agar amalan Prapaskaku berkenaan  
doa, penebusan dosa, dan karya-karya amal bergerak  
ke luar diri kami  
kepada satu kehidupan yang harmoni dengan ciptaan.  
Dengan ini, maksud kami suatu cara hidup berakarkan cintakasih  
dan persekutuan dengan segala ciptaan-Mu.  
Kami juga akan terus prihatin terhadap kanak-kanak, mereka yang  
miskin, warga tua, mereka yang ditinggalkan dan para migran,  
terutamanya mereka yang ada di sekitar kami.

Kami berjanji untuk memupuk sikap memuji,  
dengan suatu kerohanian yang boleh merangkumi  
dan kekal harmoni dengan ciptaan.  
Semoga rahmat-Mu menguatkan komitmen Prapaska kami.

Kami mohon doa ini dalam nama Yesus dan dalam persekutuan  
dengan Maria,  
Ratu segala ciptaan. Amin.

HARI RABU ABU, 2 MAC 2022

# Keheningan VS Kebisingan





## Pesanan *Laudato Si'*

Selain itu, tidak seorang pun dapat mengembangkan hidup yang bersahaja dan bahagia, tanpa berdamai dengan dirinya sendiri. Pemahaman spiritualiti yang memadai mampu menjelaskan apa yang kita maksudkan dengan damai, yang jauh melebihi tidak adanya perang. Kedamaian batiniah manusia sangat berkaitan dengan pemeliharaan persekitaran dan kesejahteraan umum, kerana, bila dihayati secara tulen, damai itu diterjemahkan dalam gaya hidup seimbang, yang disertai kemampuan untuk terpesona, yang menjadikan hidup kita semakin mendalam.

Alam dipenuhi kata-kata cinta, tetapi bagaimana kita dapat mendengarkannya di tengah-tengah kebisingan yang berterusan, kecemasan yang terus mengganggu atau kultus penampilan? Banyak orang mengalami ketidakseimbangan mendalam yang mendorong mereka melakukan segalanya dengan kecepatan tinggi yang memberi mereka perasaan sibuk, selalu terburu-buru yang, pada akhirnya, menyebabkan mereka melangkahi semua yang ada di sekitarnya. Hal ini memberi kesan pada cara mereka memperlakukan persekitaran. Ekologi integral juga bererti meluangkan masa untuk menemukan kembali satu keselarasan yang jernih dengan dunia ciptaan, untuk merenungkan gaya hidup kita dan cita-cita kita, untuk menatap Pencipta yang hidup di tengah kita dan dalam persekitaran kita, yang Kehadiran-Nya "tidak boleh dibuat-buat, melainkan ditemukan, disingkapkan.

*Laudato Si' #225*

*Luangkan masa untuk mempertimbangkan, apakah kebisingan dan gangguan-gangguan yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan tertentu berlaku di dalam cara hidup saya.*

*Adakah ketidakseimbangan ini memberi kesan terhadap saya dalam berharmoni dengan orang-orang tersayang, mereka yang di sekitar saya, dan penjagaan saya terhadap alam sekitar?*

## **INJIL – MATIUS 6:1-6, 16-18**

**Bapa kamu yang melihat perbuatan yang tersembunyi itu akan memberi pahala kepada kamu.**

“Ingatlah, janganlah kamu lakukan kewajipan agama di hadapan umum supaya dilihat orang. Jika kamu berbuat demikian, kamu tidak akan menerima pahala daripada Bapa kamu yang di syurga. Oleh itu, apabila kamu memberi sedekah kepada orang miskin, jangan heboh-hebohkan perbuatan itu seperti yang dilakukan oleh orang munafik di dalam rumah ibadat dan di jalan raya. Mereka melakukan perkara itu supaya dipuji orang. Ketahuilah, mereka sudah menerima ganjaran mereka. Tetapi apabila kamu memberi sedekah kepada orang miskin, lakukanlah hal itu secara diam-diam, supaya sahabat karib kamu sekalipun tidak mengetahuinya. Biarlah hal itu tidak diketahui oleh sesiapa pun. Bapa kamu yang melihat perbuatan yang tersembunyi itu akan memberi pahala kepada kamu.”

“Apabila kamu berdoa, jangan seperti orang munafik. Mereka suka berdoa sambil berdiri di rumah ibadat dan di simpang jalan supaya dilihat orang. Ketahuilah, mereka sudah menerima ganjaran mereka. Tetapi apabila kamu berdoa, masuklah ke bilik dan tutuplah pintu, lalu berdoalah kepada Bapa kamu yang tidak kelihatan itu. Bapa kamu yang mengetahui apa yang kamu lakukan secara tersembunyi itu, akan memberi pahala kepada kamu.”

“Apabila kamu berpuasa, jangan bermuka muram seperti orang munafik. Mereka kelihatan menderita, sehingga semua orang tahu

bahawa mereka berpuasa. Ketahuilah, mereka sudah menerima ganjaran. Apabila kamu berpuasa, basuhlah muka dan sikatlah rambut, supaya orang tidak tahu bahawa kamu berpuasa. Biarlah hanya Bapamu yang tidak kelihatan itu yang tahu. Bapamu melihat perbuatanmu yang tersembunyi itu dan kamu akan menerima pahala daripada Dia.”

## RENUNGAN

Kadang-kala kita lupa bahawa banyak kekuatan dan inspirasi datang dari tempat yang hening. Kita boleh menjadi terlalu biasa dengan “bunyi”. Bunyi boleh bermaksud memerlukan perhatian, pengiktirafan, pengesahan, dan pujian. Bunyi juga boleh jadi dalam bentuk keperluan untuk menjadi bising dalam tindakan-tindakan kita agar orang tahu dan dapat melihat kebaikan yang kita lakukan. Bunyi juga boleh datang dalam keperluan untuk dihiburkan. Contohnya, menghiburkan diri kita dengan gosip atau menjadi orang yang suka menjaga tepi kain orang, atau televisyen kita yang sentiasa terbuka. Bunyi juga merujuk kepada banyak aktiviti, namun ianya tidak menyihatkan kita sebagai manusia dan sebagai anak-anak Allah.

Dalam usaha kita bergerak dari satu “bunyi” kepada yang seterusnya, soalan yang kita boleh tanya diri kita ialah: Adakah Allah tidak memadai? Adakah Allah terlalu miskin sehingga kita memerlukan banyak “bunyi” seperti yang dikritik of Yesus dalam injil? Atau, mungkinkah kita ini miskin?

Yesus mengingatkan kita bahawa terdapat satu aspek dalam kehidupan kita di mana Allah hadir dan melihat semua yang kita lakukan, walaupun secara rahsia. Kita tidak perlu menunjukkan-tunjukkan tindakan-tindakan dan keputusan-keputusan kita

dengan berbuat “bising” kerana, bagi kita, ianya ditujukan kepada Allah. Memerlukan lebih banyak boleh menunjukkan bahawa Allah itu tidak memadai. Ini adalah sesuatu yang kita boleh renungkan.

Marilah kita memupuk dasar keheningan di dalam kerohanian kita. Keheningan boleh menciptakan keadaan untuk kita mengamati pergerakan Roh Kudus dengan lebih baik. Ianya boleh menjadi punca kekuatan dan inspirasi yang kuat. Memupuk keheningan juga membuatkan kita cenderung ke arah yang harmoni dengan Allah, satu sama lain dan ciptaan.

### **LATIHAN PRAPASKA**

Latihan Prapaska berkenaan penebusan dosa seperti berpuasa dari segi jasmani dan penyangkalan diri boleh membawa kita kepada kesedaran bahawa mungkin, kita telah terlalu fokus kepada keselesaan dan kepuasan kedagingan kita. Ini mungkin telah membuat deria dan suara hati nurani kita menjadi tumpul. Latihan-latihan doa, penebusan dosa, dan karya amal bertujuan menguatkan keinginan dan azam kita dalam pengabdian untuk menghidupi kehidupan yang bersatu dengan Allah. Untuk minggu ini, marilah kita menyedari “kebisingan” dalam hidup kita. Ini terutamanya apabila membuat kita menjadi tidak peka kepada dorongan Roh Kudus dalam kehidupan kita.

### **PENDIRIAN SAYA**

- Tindakan-tindakan Penebusan dosa: Semasa musim Prapaska, marilah kita memilih untuk makan sekadar untuk makan sahaja. Kita boleh memperbaharui amalan penebusan dosa selain membiarkannya menjadi kebiasaan. Mungkin, kita boleh memilih dua tindakan penebusan dosa setiap minggu

daripada senarai no.5 selain daripada berpantang daripada memakan daging.

Hari-hari penebusan dosa daripada Kitab Hukum Kanonik, nombor 1250-1253

1. Hari-hari dan masa-masa penebusan dosa untuk semua Gereja Latin adalah setiap hari Jumaat sepanjang tahun dan musim Prapaska.
2. Berpantang daripada makan daging, atau daripada makanan tertentu seperti yang ditentukan oleh Majlis Uskup-uskup, adalah untuk diamalkan pada setiap hari Jumaat, kecuali apabila sesuatu perayaan jatuh pada hari Jumaat. Berpantang dan berpuasa diamalkan pada hari Rabu Abu dan Jumaat Agung.
3. Semua orang yang telah mencapai umur empat belas tahun, terikat dengan **hukum berpantang**.
4. **Hukum berpuasa** terpakai kepada semua yang telah dewasa sehinggalah selepas mencapai ulangtahun kelahirannya yang kelima puluh sembilan. Para gembala jiwa-jiwa dan ibubapa perlu memastikan bahawa mereka yang terlalu muda untuk terikat dengan hukum berpuasa dan berpantang dilatih untuk menghargai penebusan dosa.
5. Mereka yang tidak dapat mengamalkan puasa dan pantang boleh melakukan penebusan dosa dalam salah satu daripada cara-cara berikut atau yang serupa dengannya. Sebagai contoh: menghadiri Misa Kudus, berdoa rosari, berdoa Jalan Salib, berdoa di depan Sakramen Mahakudus, melakukan karya-karya belas kasihan, seperti memberi wang kepada yang miskin, menziarahi mereka yang sakit, berdoa untuk yang telah meninggal dunia, tidak membenarkan diri

memakan makanan yang sedap, berpantang daripada minuman beralkohol, mengorbankan masa menonton hiburan dalam televisyen atau video dan banyak lagi kaedah-kaedah mati raga. Memakan daging pada hari Jumaat bukanlah dosa jika amal-amalan gantian penebusan dosa yang dicadangkan di atas dilakukan.


(Majlis Uskup-uskup Malaysia, Singapura dan Brunei pada 25 Februari 1984)

Sumber: <http://www.heraldmalaysia.com/news/meat-on-friday/26054/13>

- Memupuk tabiat menghadapi kesulitan-kesulitan demi cara hidup yang mampan. Contohnya, beg kitar semula, botol air, bekas menyimpan makanan, e-kertas bilamana dimungkinkan, seperti suratkhbar dan buku-buku. Tindakan untuk yang pertama kali melakukan: Cubalah dua kali seminggu apabila anda membeli barang dapur atau membeli makanan.
- Tetapkan satu matlamat untuk sumbangan (kita/saya) kepada Kempen Prapaska, "sedekah" (kita/saya) kepada yang miskin. Sebagai contoh, menabung setiap minggu atau mengasingkan gaji kita untuk yang miskin.

MINGGU PRAPASKA PERTAMA,  
6 MAC 2022

# Satu Pilihan yang Menjana Hidup



## Pesanan *Laudato Si'*

Perpecahan ini merupakan dosa. Harmoni antara Pencipta, manusia dan semua ciptaan dihancurkan kerana kita mengira dapat mengambil tempat Allah, dan menolak untuk mengakui diri sebagai makhluk yang terbatas. Hal ini juga telah menyebabkan salah pengertian atas mandat untuk "menaklukkan" bumi (Kejadian 1:28), untuk "mengusahakan dan memeliharanya" (Kejadian 2:15). Akibatnya, hubungan yang awalnya harmoni antara manusia dan alam, berubah menjadi konflik (Kejadian 3:17-19). Kerana itu, sangat bererti bahawa harmoni yang dihayati oleh Santo Fransiskus dari Assisi dengan semua makhluk, pernah ditafsirkan sebagai pemulihan perpecahan itu. Santo Bonaventura mengatakan bahawa melalui rekonsiliasi yang universal dengan semua makhluk, dalam berbagai cara Santo Fransiskus kembali ke jati diri yang asli dan murni. Jauh dari model itu, sekarang ini dosa memperlihatkan dirinya sebagai daya penghancur dalam peperangan, dalam berbagai bentuk keganasan dan penganiayaan, dalam pengabaian terhadap mereka yang paling mudah terjejas, dan serangan terhadap alam.

*Laudato Si' #66*

*Luangkan sedikit masa untuk mempertimbangkan aspek dosa. Dosa biasanya difahami sebagai kesalahan apa yang saya telah lakukan. Namun, dosa patut difahami dengan betul dalam konteks bahagian-bahagian hidup kita yang memecahkan atau mengasingkan kita daripada perhubungan dengan sesama dan dengan Allah. Surat Paus menjemput kita untuk mempertimbangkan dosa berhubungan dengan bagaimana kita melayan mereka yang paling mudah terjejas dan sikap kita terhadap alam.*



## INJIL – LUKAS 4:1-13

### Yesus Dicubai oleh Iblis di padang gurun

Yesus yang dikuasai oleh Roh Allah, kembali dari kawasan Sungai Yordan. Yesus dipimpin oleh Roh Allah ke padang gurun. Di situ Dia dicubai oleh Iblis selama empat puluh hari. Sepanjang masa itu, Yesus tidak makan apa-apa, sehingga Dia lapar.

Iblis berkata kepada-Nya, "Jika Engkau Anak Allah, perintahkan batu ini menjadi roti." Yesus menjawab, "Di dalam Alkitab tertulis, 'Manusia tidak hidup dengan roti sahaja.'"

Lalu Iblis membawa Yesus ke tempat yang tinggi, dan dalam sekelip mata Iblis menunjukkan segala kerajaan di dunia kepada-Nya. "Aku akan memberi segala kekuasaan dan kekayaan ini kepada-Mu," kata Iblis kepada Yesus. "Semuanya ini telah diberi kepadaku, dan aku berhak memberinya kepada sesiapa sahaja yang aku suka. Semua ini akan menjadi milik-Mu, jika Engkau sujud menyembah aku."

Yesus menjawab, "Di dalam Alkitab tertulis, 'Sembahlah Tuhan Allahmu dan abdikan diri kepada Dia sahaja!'"

Lalu Iblis membawa Yesus ke Yerusalem dan menaruh Dia di puncak Rumah Tuhan dan berkata kepada-Nya, "Jika Engkau Anak Allah, terjunlah ke bawah, kerana di dalam Alkitab tertulis, 'Allah akan memerintah para malaikat-Nya menjaga Engkau baik-baik.' Juga tertulis, 'Malaikat akan menyambut Engkau dengan tangan, supaya kaki-Mu tidak terhantuk pada batu.'"

Yesus menjawab, "Di dalam Alkitab tertulis, 'Janganlah cubai Tuhan Allahmu.'" Apabila Iblis selesai mencubai Yesus dengan segala upaya, dia meninggalkan Yesus untuk sementara waktu.

## RENUNGAN

Tiga godaan ini patut direnungkan kerana ianya ditandai dengan cinta yang tidak sihat terhadap diri atau narsisisme. Jika Yesus mengalah kepada godaan ini, ianya boleh menyebabkan pelayanan-Nya gagal memberi hidup dan menjana hidup.

Godaan pertama menunjuk ke arah satu sikap pemuasan diri atau pemeliharaan diri. Ia mengatakan, "Saya memerlukan, dan saya mesti dipuaskan." Godaan yang kedua menunjuk ke arah persoalan tentang apa yang kita bergantung kepada? Godaan kedua mencabar kita untuk mempertimbangkan sama ada kita adalah orang yang bergantung kepada semua benda dan apa-apa sahaja selain daripada Allah. Ianya boleh menjadi satu sikap mampu diri di mana kita mengatakan, saya hanya perlu diri saya. Godaan yang ketiga ialah sikap meninggikan diri atau mempromosi diri. Tanpa kita sedari, kita mungkin memikir terlalu tinggi tentang diri kita atau mempunyai keinginan untuk mahukan orang melihat betapa hebatnya kita.

Godaan Yesus adalah sesuatu yang kita mungkin telah alami. Kita mungkin fokus kepada diri kita dan keperluan kita sehingga ke tahap di mana ia menghalang kita daripada melihat dan mempertimbangkan keperluan orang lain. Marilah kita tanyakan diri kita soalan-soalan yang mudah ini:

- Adakah kita meninggikan diri dalam percakapan dan perbuatan kita dan marah apabila orang lain tidak melayan kita sedemikian?
- Adakah kita mencari untuk "bergembira" sehingga menjejaskan orang lain? Sebagai contoh, isteri saya atau pembantu rumah saya tidak mempunyai kehidupan lain selain membahagiakan saya.
- Adakah kepunyaan-kepuhyaan saya memberi saya keselesaan

di mana saya anggap ianya merupakan segalanya yang saya perlukan?

- Adakah terdapat aspek-aspek di dalam kehidupan saya bila mana saya memberi dengan murah hati dan melayani tanpa mengharapkan apa-apa tetapi agar semua kita boleh berkembang menjadi apa yang Allah mahukan kita jadi?

## **LATIHAN PRAPASKA**

Pertimbangan kita untuk minggu Prapaska ini ialah sama ada kita boleh mengenalpasti bahagian diri kita yang mungkin narsistik. Apabila semuanya adalah tentang kita sahaja dan apa yang kita mahu, kita tidak boleh menjadi orang yang menjana hidup. Bagaimana mungkin adanya "kamu" dan "orang lain" apabila dunia kita hanyalah tentang "saya"?

## **PENDIRIAN SAYA**

Siapakah jiran tetangga saya? Kenalpastilah mereka yang memerlukan di kalangan kita. Ini untuk membantu kita secara konkrit berkongsi dan menjaga warga tua, miskin, terbiar, para migran, dan pembantu rumah di kalangan kita dan yang bekerja dibawah kita.

Tindakan:


- Pernahkah kita berlaku kesat dalam perkataan, secara fizikal atau dari segi psikologi terhadap orang lain, seperti orang tersayang? Sebagai contoh, kita pernah tertindak kesat terhadap ibubapa kita, anak-anak kita atau isteri kita?
- Jika kita pernah bertindak kesat dan tidak boleh melayan pembantu rumah kita dengan bermaruah, adalah lebih baik kita tidak mempunyai pembantu rumah. Buat pendirian dengan bertindak secara adil dan dengan kasih terhadap

mereka dengan membantu mereka mendapatkan pekerjaan di tempat lain.

- Berikan gaji secara adil, bahkan belanja makan sekali-sekala (jika biasanya tiada diberikan atau cuti singkat) kepada para migran yang bekerja dengan anda. Layani mereka seperti kamu mahu mereka melayani kamu. Selalu bertindak adil, mengasihi dengan kelembutan, dan berjalan dengan rendah hati dikalangan mereka.
- Keraplah menjenguk warga tua di dalam komuniti paroki anda, terutama mereka yang tinggal bersendirian.

MINGGU PRAPASKA KE-2,  
13 MAC 2022

# Apa Lagi yang Tinggal?



## Pesanan *Laudato Si'*

Kita tidak melarikan diri dari dunia dan tidak menyangkal alam, ketika kita ingin bertemu dengan Allah. Hal ini dapat dilihat terutama dalam spiritualiti Kristian Timur: "Keindahan, yang merupakan salah satu nama teristimewa di wilayah Timur untuk mengungkapkan harmoni Ilahi dan model kemanusiaan yang telah berubah rupa, menyatakan diri di mana-mana; dalam bentuk gereja, dalam bunyi suara, dalam warna-warna, dalam cahaya, dalam aroma."

*Laudato Si'* #235

*Luangkan masa untuk mempertimbangkan bagaimana kita memahami keindahan dalam konteks kehidupan setiap hari ini. Bolehkah kita menganggap hubungan yang harmoni dengan Tuhan sebagai sesuatu yang indah? Bolehkah kita juga menganggap bahawa jika kita gagal melihat keindahan di dunia, ia adalah kerana kita tidak memupuk diri untuk mengenali dan mengakui keindahan dalam dan sekeliling kita. Jika keburukan di sekeliling kita berakar dari dosa, begitu juga, adakah keindahan di sekeliling kita boleh disumbangkan sebahagian daripada keindahan daripada dalam diri kita?*

## **INJIL – LUKAS 9:28-36**

### **Yesus Dipermuliakan dihadapan mereka**

Kira-kira seminggu setelah Yesus mengatakan perkara-perkara itu, Dia membawa Petrus, Yohanes, dan Yakobus ke sebuah bukit untuk berdoa. Sedang Yesus berdoa, wajah-Nya berubah dan pakaian-Nya menjadi putih berkilauan. Tiba-tiba dua orang bercakap dengan Dia; mereka Musa dan Elia. Mereka kelihatan

bersinar-sinar dengan cahaya dari surga. Mereka berkata-kata dengan Yesus tentang bagaimana Yesus akan segera memenuhi rancangan Allah dengan kematian-Nya di Yerusalem. Pada waktu itu Petrus dan kawan-kawannya tidur nyenyak. Tetapi mereka terjaga dan nampak kemuliaan Yesus serta dua orang yang berdiri dengan-Nya. Ketika dua orang itu hendak meninggalkan Yesus, Petrus berkata kepada-Nya, "Guru, sungguh baik kami di sini. Kami akan mendirikan tiga buah khemah: satu untuk Guru, satu untuk Musa, dan satu lagi untuk Elia." (Sebenarnya Petrus tidak mengetahui apa yang dikatakannya.)

Sementara Petrus berkata demikian, awan datang lalu meliputi mereka, sehingga mereka takut. Dari awan itu terdengar suara berkata, "Inilah Anak-Ku yang telah Aku pilih. Dengarkan kata-kata-Nya!" Apabila suara itu berhenti berkata-kata, mereka melihat Yesus seorang diri di situ. Pengikut-pengikut-Nya tidak berkata apa-apa tentang semuanya itu. Pada waktu itu mereka tidak memberitahu sesiapa pun apa yang telah dilihat oleh mereka.

## **RENUNGAN**

Musa mewakili hukum yang umat Allah telah terima sebelum zaman Yesus. Elia mewakili para nabi, jurucakap Allah yang datang untuk mengingatkan umat tentang hukum. Yesus melampaui keduanya sebagai Allah yang menjelma. Satu pemahaman yang kita boleh beri tentang penjelmaan (inkarnasi), Sabda menjadi daging, ialah bahawa Allah memasuki dan menjadi sebahagian daripada ciptaan. Melalui penjelmaan-Nya, Yesus menjadi seperti kita untuk menunjukkan kita apa yang kita boleh jadi. Penampakan kemuliaan Yesus merupakan sepintas lalu nasib kita.

Petrus dan Yohanes mahu tinggal di gunung itu, tetapi mereka tidak boleh. Akhirnya, semuanya lenyap, dan mereka perlu

meneruskan usaha mereka. Mengikuti tradisi, Petrus mati sebagai martir, tetapi Yohanes menjalani keseluruhan hidupnya secara semulajadi. Begitu juga, kita hanya mampu meneruskan kehidupan kita dengan iman. Yesus menginspirasi imaginasi kita bahawa kita sekarang boleh membayangkan kehidupan kita sebagai suatu ziarah sehingga kita menjadi apa yang Allah mahukan kita menjadi sepenuhnya. Bak kata pepatah, siapa kita adalah pemberian Allah kepada orang lain; siapa yang kita jadi ialah pemberian kita kepada Allah.

Yesaya 40:8 memberitahu kita, "Rumput menjadi kering dan bunga pun layu, tetapi firman Allah kekal selama-lamanya." Dalam penampakan kemuliaan, apabila semuanya lenyap, Yesus masih ada. Ini juga benar dalam kehidupan kita sebagai orang Kristian. Kita percaya bahawa akhirnya, apabila semua benda lenyap, hanya Yesus yang tinggal. Persoalannya ialah, apa akan jadi dengan kita apabila kehidupan kita di sini lenyap, dan kita berdiri di hadirat Yesus? Apa yang kita ada untuk ditunjukkan?

### **LATIHAN PRAPASKA**

*Laudato Si'* menceritakan tentang harmoni dan persekutuan dengan ciptaan. Paus menulis, "Jika faktanya menjadi manusia menggerakkan orang untuk menjaga alam sekitar di mana mereka adalah sebahagian daripadanya, umat Kristian pun "sedar bahawa tanggungjawab mereka dalam ciptaan, dan tugas terhadap alam dan Sang Pencipta, adalah bahagian penting dalam iman mereka" (LS #64). Untuk renungan kita, kita boleh bertanya pada diri kita, adakah kita tergerak untuk menjalankan peranan kita untuk menjaga alam sekitar?



## PENDIRIAN SAYA


- Berjaga-jaga agar tidak menjadi pembazir dan pemboros. Sebagai contoh, berjaga-jaga terhadap penggunaan air dan tenaga elektrik secara berlebihan. Air daripada pembasuhan beras dan sayur boleh digunakan semula untuk menyiram tanaman kita. Kerap menutup penghawa dingin dan kipas apabila kita keluar dari rumah atau bilik. Berkongsi kereta bilamana boleh.
- Kadang-kala, memasang kipas siling, walaupun ia tidak sesuai dengan reka bentuk dalaman rumah anda, menyejukkan bilik anda sehingga anda tidak perlu membuka penghawa dingin.

*Tindakan untuk mereka yang pertama kali melakukan:*

- Cubalah berkongsi kereta sekali, menyiram tanaman menggunakan air terpakai, atau menutup penghawa dingin apabila kita keluar dari bilik. Menahan diri terhadap godaan untuk membiarkan penghawa dingin terbuka supaya kita dapat kembali ke dalam bilik atau rumah yang sejuk.
- Cuba mulai mengitar semula. Carilah di peringkat persendirian di manakah anda boleh mengitar semula tin-tin aluminium dan plastik anda? Sesetengah pusat membeli-belah mempunyai bekas-bekas di mana anda boleh membuang bateri-bateri terpakai dengan selamat.

MINGGU PRAPASKA KE-3,  
20 MAC 2022

# Buah Pertaubatan



## Pesanan *Laudato Si'*

Menurut pandangan Krsitian, semua makhluk alam semesta fizikal menemukan makna sejatinya dalam Firman yang menjelma, kerana Anak Allah telah menyatukan dalam diri-Nya sebahagian daripada dunia materi dan Ia memasukkan ke dalam dunia materi benih transformasi akhir: "Kekristianan tidak menolak materi, kejasmanian yang justeru dihargai penuh dalam tindakan liturgi, di mana tubuh manusia menunjukkan sifatnya yang terdalam sebagai bait Roh Kudus dan menyatukan diri dengan Tuhan Yesus, yang telah mengenakan tubuh demi keselamatan dunia,"

*Laudato Si' #235*

*Luangkan masa untuk memikirkan mengapa kita bertaubat dan apakah ertinya bagi kita? Adakah taubatkan kita berpunca daripada pengakuan bahawa terdapat ketidakharmonian dalam diri kita dengan orang lain, ciptaan Allah, dan Tuhan? Bolehkah tindakan pertobatan kita membawa kepada kita menjadi orang Kristian yang memberi dan menjana kehidupan, selaras dengan ciptaan Allah serta menjalani kehidupan menurut Roh Kudus?*

### **INJIL – LUKAS 13:1-9**

**'Biarkanlah pokok ini tumbuh selama setahun lagi'**

Pada waktu itu beberapa orang di situ memberitahu Yesus perihal orang Galilea yang dibunuh oleh Pilatus ketika mereka mempersembahkan korban kepada Allah. Yesus berkata kepada mereka, "Kerana beberapa orang Galilea dibunuh secara demikian, adakah hal itu membuktikan bahawa mereka lebih berdosa daripada orang Galilea lain? Tidak! Tetapi ingatlah, kecuali kamu

bertaubat daripada dosa, kamu semua akan binasa seperti mereka. Bagaimanakah dengan lapan belas orang yang terbunuh di Siloam, ketika menara di sana menimpa mereka? Adakah hal itu membuktikan bahawa mereka lebih berdosa daripada semua orang lain yang tinggal di Yerusalem? Tidak! Sekali lagi Aku berkata, kecuali kamu bertaubat daripada dosa, kamu semua akan binasa seperti mereka.”

Kemudian Yesus menceritakan perumpamaan ini kepada mereka. Dia berkata, “Seorang mempunyai pokok ara di kebun anggurnya. Pada suatu hari dia mencari buah ara pada pokok itu, tetapi tidak menjumpai apa-apa. Oleh itu dia berkata kepada pekebunnya, ‘Lihatlah, selama tiga tahun aku datang mencari buah ara pada pokok ini, tetapi tidak mendapat sebiji pun. Tebanglah sahaja, kerana pokok ini hanya menghabiskan kesuburan tanah.’ Tetapi pekebun itu menjawab, ‘Tuan, biarkanlah pokok ini tumbuh selama setahun lagi. Šaya akan mencangkul tanah di sekelilingnya dan menaruh baja. Jika pokok ini berbuah pada tahun depan, baiklah. Jika tidak, tuan boleh menyuruh orang menebangnya.’”

## **RENUNGAN**

Bacaan Injil menawarkan suatu wawasan yang menarik tentang pertaubatan, walaupun Yesus tidak membuat perhubungan itu secara langsung. Pilihan kita dalam kehidupan boleh membawa kita untuk berbuah atau membuat kehidupan rohani kita gersang, di mana tiada kehidupan yang boleh tumbuh. Dalam Galatia 5, Santo Paulus memberitahu kita bahawa “buah Roh adalah cintakasih, sukacita, hidup rukun, sabar, berbudi, baik hati, setia, rendah hati, dapat mengawal diri.” Dia meneruskan dengan mengatakan jika “kita hidup dengan Roh, marilah kita juga berjalan dalam Roh” (Gal 5:25-26).

Kita mungkin boleh hidup tanpa menghasilkan buah. Kehidupan ini ditandai dengan keinginan-keinginan mementingkan diri sendiri yang tidak seimbang. Ianya termasuk “perbuatan cabul, lucah, tidak senonoh, penyembahan berhala, penggunaan ilmu sihir, permusuhan, perkelahian, cemburu, lekas marah, mementingkan diri sendiri, berpecah, berpihak-pihak, iri hati, suka mabuk, berpesta liar” (Gal 5;19-21). Namun, sekarang masih tidak terlalu lambat untuk bertaubat agar kehidupan kita menghasilkan buah. Imej tentang pokok yang menghasilkan buah boleh menjadi imej kehidupan kita yang memberi hidup dan mengesahkan hidup terhadap mereka di sekitar kita. Dalam berjalan dengan Roh, Santo Paulus mengingatkan kita, “Kita tidak boleh menjadi sombong atau saling menyakiti hati, ataupun iri hati terhadap satu sama lain” (Gal 5:26).

Dalam musim Prapaska ini, marilah kita mempertimbangkan bagaimana kehidupan kita menghasilkan buah. Marilah kita berjaga-jaga agar kita tidak terlibat dalam kitaran negatif, saling mencedera dan menyakiti, sehingga kita membinasakan satu sama lain. “Segenap Taurat adalah tersimpul dalam satu perintah, “Kasihilah sesamamu manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri” (Gal 5:14).

## **LATIHAN PRAPASKA**

Satu cara kita boleh menunjukkan cintakasih kita dalam cara yang boleh menghasilkan buah ialah dengan menunjukkan keprihatinan kita terhadap tempat-tempat awam di kawasan kita. Walaupun kita bergerak, hidup, dan mendapat kewujudan kita dalam Allah, kita melakukannya dalam keadaan di mana kita tinggal. Bolehkah kita mempertimbangkan tindakan-tindakan yang menyumbang kepada kesejahteraan umum? Paus Fransiskus menulis, “Masyarakat juga diperkayakan dengan pelbagai organisasi yang

tak terkira, yang bekerja untuk mempromosikan kesejahteraan umum dan untuk mempertahankan persekitaran, sama ada alam atau perkotaan. Contohnya, mereka menunjukkan keprihatinan terhadap tempat umum (sebuah bangunan, air pancut, monumen yang terbiar, lanskap, kawasan), dan berusaha untuk melindungi, membersihkan, memperbaiki atau mencantikkannya sesuatu yang menjadi milik semua orang”

*(Laudato Si' #232)*

## **PENDIRIAN SAYA**

- Memupuk satu sikap yang menunjukkan keprihatinan terhadap tempat-tempat umum di kawasan anda. Sebagai contoh, adakah terdapat suatu lanskap yang sedang digunakan sebagai tempat membuang sampah?
- Tunjukkan keprihatinan terhadap gereja anda sebagai sebuah bangunan yang dikongsi oleh semua orang. Bincangkan dengan paderi anda bahawa KED anda ingin merancang suatu aktiviti untuk membersihkan, memperbaiki dan mencantikkan satu bahagian perkarangan gereja anda yang terbiar.
- Marilah kita menilai dan bedialog tentang sikap-sikap dan usaha-usaha kita tentang penjagaan persekitaran dengan keluarga-keluarga kita, teman serumah, dan dalam Komuniti Eklesia Dasar (KED) kita. Kita boleh melakukan ini dalam tiga langkah.
  - Bagaimanakah (kita/saya) telah memupuk “nilai-nilai murni ekologi” (kita/saya) atau hala tuju (kita/saya) terhadap penjagaan persekitaran?
  - Apa yang telah (kita/saya) lakukan dengan baik?
  - Adakah terdapat bahagian yang perlu diperbaiki?
  - Jika tiada yang diatas: Bagaimanakah saya boleh mulai hari ini?

MINGGU PRAPASKA KE-4, 27 MAC 2022  
(MINGGU LAETARE)

Antara  
Pertaubatan,  
Kemarahan  
yang Wajar, dan  
Kerohanian yang  
Berpusat kepada  
Ciptaan



*Minggu Laetare dalam Bahasa Latin bermakna "Bersukacita". Apa yang ia beritahu kita ialah walaupun di tengah-tengah penebusan dosa Prapaska kita, Gereja mengingatkan kita bahawa adanya sukacita dan harapan kerana iman dan harapan kita yang berakar dalam Tuhan Yesus yang telah bangkit.*

### *Pesanan Laudato Si'*

Pernyataan ini menunjukkan martabat tinggi setiap peribadi manusia, yang "bukan hanya sesuatu, tetapi seseorang. Dia mampu mengenal diri, menguasai diri, dan bebas memberikan dirinya dan masuk ke dalam persekutuan dengan orang lain". Santo Yohanes Paulus II menyatakan bahawa cinta yang sangat khusus Sang Pencipta untuk setiap manusia "memberikan kepadanya martabat yang tak terbatas". Mereka yang berkomitmen untuk membela martabat manusia, dapat menemukan dalam iman Kristiani alasan terdalam untuk komitmen itu. Betapa indahnyanya mendapat kepastian bahawa hidup masing-masing peribadi tidak tenggelam dalam kekacauan tanpa harapan, dalam dunia yang diatur secara kebetulan atau dalam kitaran yang berulang tanpa hentinya! Sang Pencipta dapat mengatakan kepada kita masing-masing: "Sebelum Aku membentuk engkau dalam rahim ibumu, Aku telah mengenal engkau" (Yeremia 1:5). Kita dikandung dalam hati Allah, dan kerana itu, "kita masing-masing adalah buah fikiran Allah. Setiap kita dikehendaki, setiap kita dicintai, setiap kita diperlukan".

*Laudato Si' #65*

*Ambil masa untuk mempertimbangkan bahawa diri kita mempunyai banyak sisi (atau banyak aspek). Kita boleh menjadi seorang penyayang dan membenci, pemurah dan mementingkan diri sendiri, pemaaf dan menyimpan dendam dalam hidup kita.*



*Mana antara bahagian ini yang paling kuat dan mengapa? Minggu ini, kita melihat kepada Allah Bapa untuk memberi inspirasi kepada kita ke arah sikap yang berorientasikan di atas kasih sayang dan persekutuan.*

## **INJIL – LUKAS 15:1-3,11-32**

### **Anak yang Sesat**

Pada suatu hari banyak pemungut cukai dan orang yang dihina masyarakat datang mendengar Yesus. Lalu orang Farisi dan Taurat mula bersungut-sungut. Mereka berkata, "Lihatlah, orang ini menyambut orang yang dihina masyarakat, bahkan makan bersama-sama mereka!" Oleh itu Yesus menceritakan perumpamaan ini,

Yesus berkata lagi, "Ada seorang bapa mempunyai dua orang anak lelaki. Yang bongsu berkata kepada bapanya, 'Ayah, berilah harta bahagian saya sekarang juga.' Lalu bapanya membahagi hartanya antara kedua-dua orang anaknya. Beberapa hari kemudian, anak yang bongsu menjual bahagian hartanya, lalu meninggalkan rumah. Dia pergi ke negeri yang jauh, dan di sana dia memboroskan wangnya dengan hidup berfoya-foya. Dengan cepat wangnya habis. Pada masa itu kebuluran yang teruk melanda seluruh negeri itu, lalu hidupnya melarat kerana dia tidak mempunyai apa-apa. Oleh itu dia bekerja bagi seorang penduduk negeri itu, yang menyuruh dia menjaga babi di ladang. Dia begitu lapar sehingga ingin mengisi perut dengan makanan babi, tetapi tidak seorang pun memberi makan kepadanya. Akhirnya dia sedar dan berkata, 'Semua orang gaji ayahku mendapat makanan yang berlebihan tetapi di sini aku hampir mati kelaparan! Aku akan berangkat dan pergi kepada ayahku lalu berkata begini: Ayah,

saya sudah berdosa terhadap Allah dan terhadap ayah. Tidak layak lagi saya disebut anak ayah. Anggaplah saya sebagai orang gaji ayah.' Dia pun pulang kepada bapanya.

Dia masih jauh dari rumah apabila bapanya nampak dia. Dengan penuh kasihan, bapanya lari menemui dia, lalu memeluk, dan menciumnya. 'Ayah, ' kata anak itu, 'Saya sudah berdosa terhadap Allah dan terhadap ayah. Tidak layak lagi saya disebut anak ayah.' Tetapi bapanya memanggil hamba-hambanya dan berkata, 'Cepat, bawalah jubah yang terbaik dan pakaikan pada dia. Kenakan cincin pada jarinya dan kasut pada kakinya. Pilihlah anak lembu yang gemuk lalu sembelih. Marilah kita rayakan kepulangannya dengan perjamuan. Anakku ini sudah mati, tetapi sekarang hidup pula; dia sesat, tetapi sekarang ditemui semula.' Lalu perjamuan itu dimulakan.

Sementara itu anaknya yang sulung di ladang. Dalam perjalanan pulang, apabila dekat rumah, dia mendengar muzik dan tari-tarian. Dia memanggil salah seorang hambanya lalu bertanya, 'Apakah yang sedang berlaku?' Hamba itu menjawab, 'Adik tuan sudah kembali! Bapa tuan menyembelih anak lembu yang gemuk, kerana bapa tuan sudah mendapat anaknya kembali dalam keadaan selamat. Anak sulung itu begitu marah sehingga dia tidak mahu masuk ke rumah. Lalu bapanya keluar dan memujuk dia. Tetapi dia berkata kepada bapanya, 'Lihatlah, bertahun-tahun saya bekerja seperti seorang hamba untuk ayah. Tidak pernah saya membantah ayah. Tetapi apakah balasan ayah? Tidak seekor kambing pun disembelih, supaya saya boleh bersukaria dengan kawan-kawan saya! Tetapi anak ayah ini telah memboroskan segala harta ayah dengan pelacur, dan apabila dia kembali ayah menyembelih anak lembu yang gemuk untuknya! Bapanya menjawab, 'Anakku, kamu sentiasa di sini dengan ayah. Segala yang ayah miliki juga milikmu.

Patutlah kita adakan perjamuan dan bersukacita, kerana adikmu sudah mati, tetapi sekarang hidup pula; dulu dia sesat, tetapi sekarang sudah ditemui semula.”

## RENUNGAN

Terdapat tiga naratif berpusatkan tiga watak di dalam injil: anak sulung, anak bongsu, dan bapa. Injil memberitahu kita bahawa anak bongsu melihat kesilapan dalam cara hidupnya dan bertaubat. Dia juga membuat keputusan untuk memberitahu bapanya bahawa dia tidak layak lagi dilayan seperti anaknya. Dalam pertaubatannya, dia melepaskan keadaan dirinya yang lampau (mementingkan diri sendiri/gaya hidup hedonistik/keangkuhannya) agar dapat memeluk kembali bapanya.

Naratif yang kedua adalah tentang anak sulung. Ramai pakar Alkitab menunjukkan perumpamaan Yesus patut fokus kepada anak yang kedua dan bukannya anak yang sesat itu. Anak sulung itu nyata kecewa dan marah bahawa adiknya telah kembali. Dia tidak berusaha untuk mempertimbangkan proses perjalanan adiknya yang membawanya balik. Dalam satu cara, anak sulung itu tidak “nampak” atau “betul-betul nampak” adiknya. Maka, tidak terdapat proses pemahaman.

Abang sulung itu cuma nampak apa yang dia tidak tangkap. Dia adalah seorang yang baik. Dialah yang tinggal bersama bapanya. Dialah yang melakukan semuanya dengan betul, tidak seperti adiknya yang tidak berguna. Namun, dia tidak dapat pun anak lembu untuk bersukaria dengan kawan-kawannya. Jika keadaan ini dibiarkan dengan dia, mungkin, adiknya akan kekal “dikategorikan” sebagai adik yang tidak berguna dan kekal “mati”. Dia “ok” dengan adiknya “mati” selamanya.

Mungkin, fokus itu sepatutnya kepada bapa yang mempunyai hala tuju berpusatkan kepada ciptaan. Bagi bapa itu, semua orang layak berkembang dan tumbuh seboleh yang mungkin. Tiada peluang kedua atau ketiga. Sentiasa ada peluang. Pendirian bapa itu ialah suatu yang selalu bersedia dan terbuka. Bapa itulah yang mula-mula nampak anak bongsu itu dan berlari ke arahnya. Bapa itulah yang mula-mula mencium dan memeluknya. Bapa itulah yang mengenakan jubah padanya, cincin pada jarinya, dan kasut pada kakinya. Bapa itulah yang memanggil untuk mengadakan perjamuan. Ianya tidak berakhir di situ. Bapa itu juga datang dan berbicara dengan anak sulung untuk memujuknya. Anak sulung itu juga layak dibawa keluar daripada keadaan yang marah kepada keadaan yang bersukacita. Sikap bapa itu merangkumi apa maksudnya mempunyai kerohanian yang berpusat kepada ciptaan.

### **LATIHAN PRAPASKA**

Adakah kita memupuk kerohanian yang berpusatkan ciptaan? Apakah jenis naratif yang kerap dimainkan dalam kehidupan kita? Adakah ianya anak bongsu, anak sulung atau bapa? Kita patut berjaga-jaga agar sikap kita tidak menjadi seperti anak sulung itu yang tidak melihat kebaikan, yang terperangkap dalam cara-caranya, dan di mana tiada apa yang boleh berkembang kerana ianya tidak mencapai persetujuannya. Mereka yang goyah mungkin terus kekal "mati" tanpa harapan untuk transformasi atau diberi "hidup baru".

Walaubagaimanapun, sikap Bapa itu memberi hidup. Perubahan, perkembangan dan transformasi sentiasa ada kemungkinannya dengan bapa itu. Bapa itu tidak risaukan tentang memberi persetujuannya tetapi agar anaknya kembali ke "kehidupan", telah hilang dan "dijumpai". Bapa itu mahukan kedua-dua anaknya

menjadi semua yang mereka boleh jadi. Apa yang anak bongsu itu perlu lakukan ialah bertaubat dan terbuka kepada Bapa itu.

Apakah jenis naratif yang kita hidupi? Adakah ianya kerohanian yang berpusatkan ciptaan, yang memberi hidup dan di mana kehidupan, sukacita, dan kegembiraan dimungkinkan? Atau adakah kita mempunyai kerohanian “anak sulung” itu di mana tiada apa yang berubah dan yang mati kekal “mati”?

Akhirnya, adakah Allah lebih berbelas kasih daripada kita terhadap satu sama lain?

*“Sesungguhnya, kasihnya yang besar itu menunjukkan bahawa dosanya yang banyak sudah diampunkan! Jika seseorang menunjukkan kasih yang sedikit, hal itu bererti dia menerima pengampunan yang sedikit juga.” (Lukas 7:47)*


## **PENDIRIAN SAYA**

- Marilah kita memberi komitmen untuk memupuk satu pendirian “belaskasih” terhadap semua, terutamanya kepada mereka yang paling mudah terjejas di sekitar kita. Mereka yang mudah terjejas ini adalah mereka yang miskin, para migran, warga tua, mereka yang tidak mempunyai rumah, yatim, dan sebagainya. Semasa musim Prapaska ini, marilah kita memilih untuk berbelaskasih dengan menyedari akan kehadiran mereka yang menghadapi kesusahan di masa pandemik ini. Kita boleh membantu secara peribadi atau komuniti dengan:
  - Membantu dalam usaha-usaha oleh wakil daerah kita dengan mengedar barang-barang keperluan.
  - Meminjamkan telinga untuk mendengar mereka yang telah kehilangan orang tersayang, yang kemurungan, atau berhadapan krisis-krisis disebabkan oleh pandemik.

- Jangan tidak memberi perhatian apabila kita nampak bendera putih di kejiranan kita.
  - Menjadi sukarela dalam aktiviti-aktiviti KED, POHD, SSVF (di mana mungkin) untuk melayani keluarga-keluarga yang bergelut dengan masalah di kawasan anda.
  - Membawa mereka yang menderita dan meninggal dunia disebabkan pandemik ini dalam doa kita.
- Bolehkah saya mengenalpasti orang atau orang tersayang di sekitar saya yang saya tidak mahu percayai dan terima bahawa mereka boleh berkembang dan berubah menjadi lebih baik di mana saya adalah batu sandungan kepada apa yang Allah panggil mereka untuk menjadi?

MINGGU PRAPASKA KE-5,  
3 APRIL 2022

# Agama untuk Cintakasih atau Kekejaman?



Di sisi lain, ketika hati kita benar-benar terbuka untuk suatu persekutuan universal, tidak ada sesuatu atau seorang pun yang dikecualikan dari persaudaraan ini. Oleh kerana itu, benar juga ketidakpedulian atau kekejaman terhadap makhluk lain di dunia ini cepat atau lambat akan mempengaruhi perlakuan kita terhadap manusia lain. Kita memiliki hanya satu hati, dan kemalangan yang sama yang membawa kita kepada tindakan kekerasan terhadap binatang, akan segera nyata juga dalam hubungan kita dengan sesama manusia. Setiap kekejaman terhadap makhluk apa pun "bertentangan dengan martabat manusia". Kita tidak dapat beranggapan bahawa kita sudah banyak mengasihi, jika sebahagian realiti kita diabaikan dari perhatian kita: "Perdamaian, keadilan dan pemeliharaan ciptaan adalah tiga tema yang benar-benar terkait, yang tidak dapat dipisahkan dan diperlakukan secara tersendiri tanpa sekali lagi jatuh ke dalam pengurangan". Semuanya terhubung; sebagai manusia, kita semua bersatu sebagai saudara dan saudari dalam suatu ziarah yang mengagumkan, terjalin oleh kasih yang Allah tunjukkan bagi setiap makhluk-Nya dan yang dengan kasih sayang yang lembut menyatukan kita juga dengan saudara matahari, saudari bulan, saudara air dan ibu bumi.

*Laudato Si' #92*

*Luangkan masa untuk mempertimbangkan apa paling penting dalam agama untuk kita, dan dalam kes ini, sebagai seorang Katolik. Kita mungkin memandang agama sebagai sebuah institusi sehingga kita lupa memahami erti kehidupan pengikut Yesus. Menjadi seorang Kristian bermakna kita percaya dan memeluk Tuhan Allah dalam kehidupan kita. Ia adalah cara hidup yang dibina*



*atas kasih sayang, di mana kita berkembang sebagai anak-anak Tuhan Allah.*

## **INJIL – YOHANES 8:1-11**

### **'Sesiapa di kalangan kamu yang tidak berdosa boleh melemparkan batu pertama untuk merejam dia'**

Kemudian semua orang pulang ke rumah, tetapi Yesus pergi ke Bukit Zaitun. Keesokan harinya, pagi-pagi sekali Dia pergi ke Rumah Tuhan dan semua orang di situ datang kepada-Nya. Dia duduk lalu mula mengajar mereka. Sementara itu guru Taurat dan orang Farisi membawa seorang wanita kepada Yesus. Wanita itu didapati berzina. Mereka menyuruh wanita itu berdiri di hadapan semua orang, lalu berkata kepada Yesus, "Guru, wanita ini tertangkap basah ketika berzina. Di dalam kitab Taurat, Musa memerintahkan agar wanita seperti ini direjam sehingga mati. Tetapi apakah pendapat guru?" Mereka bertanya demikian kerana hendak memerangkap Yesus, supaya mereka boleh menuduh Dia. Tetapi Yesus menunduk dan menulis di tanah dengan jari-Nya. Mereka terus-menerus bertanya kepadanya. Oleh itu Yesus meluruskan badan-Nya dan berkata kepada mereka, "Sesiapa di kalangan kamu yang tidak berdosa boleh melemparkan batu pertama untuk merejam dia." Setelah itu Yesus menunduk semula dan menulis lagi di atas tanah. Apabila mereka mendengar Yesus berkata demikian, seorang demi seorang, mulai daripada yang tertua, meninggalkan tempat itu. Akhirnya hanya Yesus dan wanita yang masih berdiri itu ada di sana. Yesus meluruskan badan-Nya lalu berkata kepada wanita itu, "Di manakah mereka? Tidak adakah orang yang menghukum kamu?"

"Tidak ada, tuan," jawabnya.

“Baiklah,” kata Yesus, “Aku pun tidak menghukum kamu. Pergilah dan janganlah berdosa lagi.”

## **RENUNGAN**

1 Yohanes 4:7-8 mengandungi satu daripada petikan yang paling penting dalam alkitab untuk kehidupan Kristian kita. Yohanes dengan indahnya memberitahu kita, “Sahabat-sahabat yang aku kasihi, marilah kita saling mengasihi kerana kasih berasal daripada Allah. Sesiapa yang mengasihi, mengenal Allah dan dia anak Allah. Sesiapa yang tidak mengasihi orang lain, tidak mengenal Allah kerana Allah itu kasih.” Ibu Teresa telah berkongsi, “Kita tidak mampu melakukan perkara besar, hanya perkara-perkara kecil dengan kasih yang besar.”

Para pemimpin agama tidak pedulikan hukum Allah, maknanya, dan tujuannya. Mereka nampaknya tidak dibimbing oleh soalan, “apakah tindakan kasih terbesar yang mereka boleh lakukan untuk wanita ini?” Mereka hanya mahu memerangkap Yesus, dan mereka menggunakan wanita yang mereka tangkap itu untuk melakukannya. Dengan cara mereka ini, para pemimpin agama itu menggunakan agama sebagai senjata untuk menyerang Yesus dan sebagai alasan yang kuat untuk merejam wanita itu dengan batu hingga mati.

Pada minggu ini, marilah kita bertanyakan diri kita apakah maknanya bagi kita, menghidupi kehidupan sebagai seorang yang telah menerima Yesus. Kemudian marilah kita mempertimbangkan hal ini berhubungan sesetengah sikap kita di dalam perhubungan dengan orang lain.

## LATIHAN PRAPASKA

Minggu ini, marilah kita pertimbangkan sikap-sikap kekejaman. Ada kemungkinan bahawa mengikuti Yesus diterjemahkan kepada sikap: "Saya lebih baik daripada anda". Adakah ini matlamat dan maknanya mengikuti Yesus? Soalan-soalan yang kita boleh tanyakan pada diri kita minggu ini adalah: Adakah kita menggunakan iman dan kepercayaan kita sebagai senjata untuk menyerang orang lain? Maknanya, adakah kita telah menggunakan doa untuk menghina atau menunjukkan kesalahan orang lain? Adakah kita telah memalukan orang lain kerana kita tidak nampak mereka berdoa atau meluangkan masa di Gereja? Adakah kita menggunakan doa sebagai sebahagian daripada ketegangan dan perasaan yang belum diselesaikan?

## PENDIRIAN SAYA


- Saya akan berhenti menggunakan Allah dan iman saya untuk memalukan orang lain, menakutkan mereka atau membuatkan mereka merasa bersalah.
- Saya akan memberi kesaksian kepada Allah cintakasih dan belaskasih melalui cara kehidupan saya (seperti yang dilakukan oleh Ibu Teresa).
- Saya tidak akan berlaku kejam terhadap binatang.

## TINDAKAN KONKRIT

Siapa yang (kita/saya) doakan? Adakah kita berdoa untuk ibubapa kita, orang tersayang, negara, mereka yang telah meninggal dunia, yang sakit, yang menderita, para migran, pemimpin kita, dan dunia agar Allah merangkul mereka dalam cintakasih Allah, atau adakah mereka hanya layak menerima "kritikan-kritikan" kita?"

MINGGU PALMA, 10 APRIL 2022

Daripada Satu  
Kehidupan Tidak  
Harmoni kepada  
Harmoni dengan  
Allah



## Pesanan *Laudato Si'*

Yesus hidup dalam harmoni penuh dengan dunia ciptaan, dan orang-orang hairan: "Angin dan ombak pun taat kepada perintah-Nya. Orang apakah Dia ini?" (Matius 8:27).

Dalam pemahaman Kristian tentang dunia, takdir seluruh ciptaan terikat dengan misteri Kristus, yang hadir sejak permulaan: "Allah menciptakan semesta alam melalui Kristus dan untuk Kristus." (Kol 1:16). Prolog Injil Yohanes (1:1-18) mengungkapkan tindakan penciptaan Kristus sebagai tindakan Firman Ilahi (*Logos*). Secara tidak terduga, prolog itu selanjutnya mengatakan bahawa Firman itu "menjadi daging" (Yoh 1:14). Satu Peribadi Allah Tritunggal masuk ke dalam dunia ciptaan dan menjalani nasib-Nya bersamanya sampai di kayu salib.

*Laudato Si' #98 - #99*

*Ambil masa untuk mempertimbangkan kurnia iman. Ambil masa untuk merenung keindahan iman. Ambil masa untuk menghargai bahawa iman membuka dan mengaktifkan hidup kita sehingga kita mempunyai hubungan dinamik ini dengan misteri Tuhan Allah. Pertemuan kita dengan Yesus melalui Roh Kudus terus membentuk dan mengubah kita. Ini menyebabkan kehidupan kita sentiasa segar dan penuh harapan. Bagi kita semua, Tuhan Allah adalah sesuatu yang sungguh Indah dalam kehidupan kita. Jangan biarkan apa-apa yang memecahkan keharmonian antara Tuhan dan kita.*

## INJIL – LUKAS 23:34-47

### Kisah Kesengsaraan - bahagian terpilih

Apabila tiba di tempat yang disebut "Tengkorak," mereka menyalibkan Yesus dan kedua-dua orang penjahat itu - seorang di sebelah kanan Yesus dan seorang lagi di sebelah kiri-Nya.

Yesus berkata, 'Ya Bapa, ampunilah mereka! Mereka tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka.' Pakaian Yesus dibahagi-bahagikan antara mereka sendiri dengan membuang undi.

*Kristus yang disalibkan itu diejek.*

Semua orang yang berdiri di situ memandang sahaja, tetapi para pemimpin orang Yahudi mengejek Dia dengan berkata, "Dia telah menyelamatkan orang lain. Jika dia benar-benar Penyelamat yang dipilih oleh Allah, biarlah dia menyelamatkan dirinya sendiri!" Askar-askar juga mengejek dia. Mereka mendekati Yesus lalu memberi anggur masam kepada-Nya. Mereka berkata, "Jika kamu raja orang Yahudi, selamatkanlah dirimu sendiri!" Pada sebelah atas kayu salib Yesus, tertulis kata-kata: "Inilah Raja Orang Yahudi."

*Penjahat yang bertaubat*

Salah seorang penjahat yang disalibkan di situ menghina Yesus. Dia berkata, "Bukankah kamu Penyelamat yang diutus oleh Allah? Selamatkanlah dirimu sendiri dan juga kami!" Tetapi penjahat yang seorang lagi menegur dia dan berkata, "Tidakkah kamu takut akan Allah? Kita semua sudah dihukum mati. Hukuman kita berdua memang setimpal dengan perbuatan kita, tetapi orang ini tidak bersalah!" Lalu dia berkata kepada Yesus, "Ya Yesus, ingatlah akan saya, apabila Tuan menjadi Raja!" Yesus berkata

kepadanya, "Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus."

### *Kematian Yesus*

Kira-kira pukul dua belas tengah hari, matahari tidak bersinar dan seluruh negeri itu diliputi kegelapan sehingga pukul tiga petang. Pada waktu itu tirai yang tergantung di dalam Rumah Tuhan koyak menjadi dua helai. Lalu Yesus berseru dengan suara lantang, "Ya Bapa, Aku serahkan diri-Ku ke dalam tangan-Mu!" Setelah berkata demikian, Dia pun meninggal.

### *Selepas kematian*

Ketua askar nampak apa yang telah berlaku. Dia memuji Allah dan berkata, "Memang Dia tidak bersalah!"

## **RENUNGAN**

Dengan siapakah kita kaitkan diri kita dalam kisah kesengsaraan dalam injil? Beberapa orang penulis rohani meminta kita untuk mempertimbangkan bahawa selain daripada penjahat yang bertaubat atau ketua pasukan askar itu, boleh jadi kita adalah orang yang menyertai orang ramai yang berteriak, "Salibkan dia, salibkan dia ...!" Ini kerana sebahagian daripada diri kita mungkin cenderung untuk terlalu risau akan apa orang lain lakukan, dengan cara menciptakan ketidakharmonian.

Fokus amalan Prapaska kita yang sepatutnya bukanlah terhadap orang lain, melainkan diri kita sendiri. Pada dasarnya, ia adalah tentang pengalaman pertaubatan kita yang berterusan. Ini kerana kata "YA" kita kepada Yesus bukanlah untuk sekali sahaja. Ia adalah YA yang berlaku dalam konteks kita menghidupi kehidupan kita. Dalam perjalanan itu, kita mungkin telah tersesat atau kehilangan Yesus.

Amalan Prapaska ini ialah panggilan kepada kita untuk memperbaharui YA kita dan untuk memberi semula komitmen kepada Yesus. Perhubungan kita dengan yang Ilahi bukanlah satu hala. Allah bukanlah makhluk yang 'statik' tetapi memasuki hati mereka yang terbuka dan yang ikhlas. Dalam cara ini, terdapat dinamisme yang besar dalam ruang diantara hati kita dan hati Allah. Pertaubatan kemudian mencipta keadaan tentang pengalaman "baru" dan membawa kepada "penyembuhan".

Kita dipanggil untuk menjadi seperti penjahat yang bertaubat itu, yang tidak bergembira dengan kejatuhan orang lain seperti yang rakan sepenjahatnya lakukan terhadap Yesus. Penjahat yang bertaubat itu mengakuinya dan bertaubat semasa di salib. Dengan berbuat demikian, dia bergerak dari keadaan ketidakharmonian kepada harmoni dengan Allah.

*Yesus, ingatlah aku bila Engkau menjadi Raja.*

## **LATIHAN PRAPASKA**

Renungkan dan periksalah keputusan kita dan pendirian yang telah kita ambil semasa musim Prapaska. Buatlah keputusan tentang bagaimana untuk melakukan apa yang kita mulai kepada suatu cara hidup yang mampan untuk sepanjang hidup kita, mencerminkan suatu kerohanian yang berpusatkan pada ciptaan.

## **PENDIRIAN SAYA**

- Tuliskan wawasan peribadi saya yang singkat dan doa tentang bagaimana saya boleh mengambil peranan untuk menjaga bumi ini dan masuk ke dalam keharmonian dengan ciptaan. Sebagai contoh, bermurah hati terhadap pembantu rumah saya, rakan sekerja saya, tidak membazir, atau kurangkan



penggunaan plastik seberapa yang boleh.

- Dengan konkrit, letakkan matlamat-matlamat yang telah kita tetapkan untuk menyumbang kepada Kempen Prapaska 2022 dan serahkannya kepada paroki atau keuskupan.
- Sukarela membantu paroki saya menjadi paroki-eko.